

|            |                                |             |                     |
|------------|--------------------------------|-------------|---------------------|
| Headline   | Ford umum 11 penerima CEG 2014 |             |                     |
| MediaTitle | Utusan Malaysia                |             |                     |
| Date       | 10 Dec 2014                    | Color       | Full Color          |
| Section    | Ekonomi                        | Circulation | 178,211             |
| Page No    | 19                             | Readership  | 534,633             |
| Language   | Malay                          | ArticleSize | 261 cm <sup>2</sup> |
| Journalist | N/A                            | AdValue     | RM 5,158            |
| Frequency  | Daily                          | PR Value    | RM 15,475           |



## Ford umum 11 penerima CEG 2014

**KUALA LUMPUR 9 Dis.** - Ford Motor Company dan Sime Darby Auto Connexion (SDAC) hari ini mengumumkan senarai 11 penerima Program Geran Pemuliharaan dan Alam Sekitar (CEG) 2014 di Malaysia berjumlah RM150,000.

Pengarah Urusan Kumpulan Pasaran Membangun Asia Pasifik dan Malaysia Ford Motor Company, David Westerman berkata, CEG tersebut akan digunakan bagi membantu penerima melaksanakan projek pemeliharaan, pemuliharaan dan pendidikan.

Katanya, program yang memasuki tahun ketujuh di Malaysia itu menerima sebanyak 53 permohonan daripada pelbagai organisasi termasuk sekolah, universiti, kumpulan komuniti dan entiti awam.

"Jumlah dan kualiti permohonan diterima tahun ini menunjukkan bahawa semakin ramai rakyat Malaysia ingin memainkan

peranan aktif dalam memulihara persekitaran mereka, justeru Ford berbesar hati untuk membantu usaha-usaha ini," katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

Antara penerima CEG adalah Tatana Roots, dengan geran berjumlah RM30,300 untuk melatih renjer mereka dalam usaha meningkatkan kapasiti dan menjalankan aktiviti projek Dokumentasi Pengetahuan Tradisional Orang Dusun Tatana di Sabah.

Projek tersebut bagi melatih para peserta tentang cara memulihara ekosistem persekitaran di samping memelihara warisan budaya dan membina masa depan yang mampan.

Jabatan Perhutanan Sarawak menerima geran berjumlah RM20,700 untuk Program Pendidikan Pemuliharaan mereka yang komprehensif di Taman Negara Bukit Lambir.

Program itu melibatkan be-

berapa buah sekolah, agensi dan komuniti tempatan. Ia juga merupakan sebahagian daripada Pusat Penerokaan Interaktif di taman tersebut.

Sementara itu, Juara Turtle Project menerima geran berjumlah RM9,900 untuk program pendidikan dan aktiviti meningkatkan kesedaran mengenai usaha pemuliharaan penyu laut di Pulau Tioman.

Pemilihan para penerima geran pada tahun ini dibuat oleh panel juri bebas terdiri daripada pakar-pakar dalam pelbagai bidang pemuliharaan.

Juri tersebut termasuk Pengarah Pemuliharaan WWF-Malaysia, Dr. Sundari Ramakrishna; Pengurus Besar Wild Asia, Gonthong Lourdesamy dan Pengarah Jabatan Perhutanan dan Alam Sekitar, Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM), Dr. Ismail Harun.



**PENGARAH** Pemasaran dan Jualan Ford Motor Company, Veemala Rethinasamy (barisan hadapan, empat dari kiri) dan Pengarah Urusan Sime Darby Auto Connexion, Lee Eu San (barisan hadapan empat dari kanan) bersama 11 penerima Geran Pemuliharaan dan Alam Sekitar 2014 di Kuala Lumpur, semalam.